

6.1 GLOBALISASI

1. Pasangan manakah yang **betul** tentang kesan pelaburan langsung asing kepada negara?

	Kesan	Keterangan
A	Negatif	Jumlah kemasukan modal asing ke dalam negara bertambah.
B	Positif	Aliran untung ke luar negara bertambah.
C	Positif	Meningkatkan kemahiran modal insan.
D	Negatif	Daya saing firma asing meningkat.

2. Bagaimanakah kerajaan menggalakkan globalisasi?

- A Pengecualian visa untuk pelancong negara tertentu
- B Pelupusan duti import untuk semua barang import
- C Pekerja asing di Malaysia diberi pengecualian levi
- D Duti setem untuk rakyat asing yang membeli hartanah di Malaysia dihapuskan

3. Pernyataan yang manakah menerangkan ciri syarikat multinasional?

- A Dimiliki oleh kerajaan sesebuah negara
- B Pemindahan teknologi canggih antara cawangan di negara berbeza
- C Firma yang mempunyai cawangan di dalam sebuah negara
- D Tiada campur tangan firma induk dalam pengurusan cawangan

4. Apakah faktor yang menggalakkan globalisasi?

- A. Penambahan syarat permohonan visa
- B. Infrastruktur pengangkutan yang kurang cekap
- C. Peningkatan sekatan perdagangan antarabangsa
- D. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi

5. Apakah kesan positif pelaburan langsung asing?

- A Wujud kelestarian ekonomi
- B Meningkatkan kualiti barang
- C Mencapai keseimbangan barang
- D Produktiviti dan keupayaan pekerja meningkat

6. Pernyataan yang manakah menerangkan globalisasi?

- A Usaha sama antara Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
- B Perjanjian antara perniagaan firma tempatan
- C Penggunaan internet dalam komunikasi
- D Meluaskan pasaran domestik

7. Pernyataan yang manakah betul tentang bentuk pelaburan langsung asing?
- A Membeli saham dan bon di pasaran terbuka
 - B Mengubah milikan tunggal kepada perkongsian
 - C Menjalinkan usaha sama dengan syarikat tempatan
 - D Membina kemudahan pengeluaran di negara induk
8. Antara berikut, yang manakah keburukan pelaburan langsung asing?
- I Meningkatkan keupayaan pengeluaran barang
 - II Mendorong aliran masuk modal ke dalam negara
 - III Penderiaan dan pengeluaran sumber alam yang tidak terkawal
 - IV Syarikat-syarikat gergasi akan menguasai sektor-sektor yang menguntungkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

6.2 PERDAGANGAN ANTARABANGSA

9. Apakah cara yang paling berkesan untuk mengehadkan kuantiti barang diimport ?
- A Kawalan pertukaran asing
 - B Embargo
 - C Kuota
 - D Tarif
10. Apakah cara yang paling berkesan untuk mengehadkan kuantiti barang diimport?
- A Tarif
 - B Kuota
 - C Embargo
 - D Kawalan pertukaran asing
11. Antara berikut, yang manakah kebaikan sekatan perdagangan antarabangsa terhadap negara?
- I Peningkatan pelaburan asing
 - II Meningkatkan peluang pekerjaan
 - III Menambah aliran wang ke luar negara
 - IV Membolehkan industri muda berkembang dan bersaing
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

12. Apakah tujuan kerajaan melaksanakan kuota?
- A Menghalang bahan mentah utama dijual terus ke luar negara
 - B Menghadkan kemasukan barangan asing ke pasaran tempatan
 - C Melarang barang siap import dari negara tertentu
 - D Meningkatkan perolehan pendapatan kerajaan
13. Antara yang berikut, yang manakah betul berkaitan dengan kepentingan perdagangan antarabangsa?
- I Menggalakkan mobiliti tenaga buruh
 - II Menggalakkan persaingan antara firma
 - III Meningkatkan kecekapan pengeluaran
 - IV Meningkatkan harga produk tempatan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
14. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan sekatan perdagangan antarabangsa?
- I Tarif menyebabkan secara relatifnya harga barang import lebih mahal
 - II Subsidi bertujuan firma tempatan lebih berdaya saing di pasaran global
 - III Sekatan bukan ekonomi yang dilaksanakan akan meningkatkan hasil negara
 - IV Embargo yang dilaksanakan akan meningkatkan hubungan baik antara negara
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
15. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan keburukan sekatan perdagangan antarabangsa?
- I Pengagihan pendapatan yang tidak adil
 - II Ketidakecekapan dalam industri tempatan
 - III Mengurangkan pengangguran dalam negara
 - IV Mengurangkan pilihan barang import dalam negara
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

16. Apakah kepentingan perdagangan antarabangsa?

- I Pelaburan asing meningkat
- II Kadar pengangguran berkurang
- III Mengekalkan sumber semulajadi
- IV Memelihara keistimewaan budaya masyarakat

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

17. Maklumat dibawah merujuk kepada jenis sekatan perdagangan

Cukai yang dikenakan mengikut nilai barang yang diimport
--

Apakah bentuk sekatan perdagangan di atas?

- A. Kouta
- B. Tarif spesifik
- C. Tarif ad valorem
- D. Kawalan pertukaran asing

18. Pernyataan yang manakah betul tentang perlaksanaan tarif dalam perdagangan antarabangsa.

- A. Firma asing dapat mengawal ketidakcekapan dalam pengeluaran
- B. Menghadkan kuantiti barang import yang dapat dibawa masuk
- C. Kerajaan memperoleh hasil bukan cukai yang tinggi
- D. Pengeluaran firma tempatan akan meningkat

19. Bentuk sekatan yang manakah dapat meningkatkan daya saing barang eksport Malaysia?

- A Tarif ad valorem
- B Sekatan bukan ekonomi
- C Subsidi kepada pengeluar
- D Kawalan pertukaran asing

20. Gambar berikut menunjukkan suatu perjanjian perdagangan antarabangsa.




Antara berikut yang manakah kesan positif perjanjian tersebut?

- A Mengurangkan persaingan
- B Meningkatkan pelaburan langsung asing
- C Menggalakkan permintaan barangan tempatan
- D Mewujudkan perdagangan dengan negara bukan anggota

21. Pasangan yang manakah betul?

A	Subsidi	Menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat
B	Tarif	Menghalang kemasukan barang import dari negara tertentu
C	Kuota	Mengehadkan jumlah maksimum yang boleh diimport dari sesebuah negara
D	Embargo	Menyebabkan harga barang import relatif lebih mahal berbanding barang tempatan

22. Rajah 4 berikut merupakan satu maklumat berkaitan perdagangan antarabangsa?



Rajah 4

X ialah

- A Syarikat Jore menjual barang kepada syarikat Nasika
- B Syarikat Ratika memproses barangan daripada syarikat Dasuki
- C Syarikat Helen membeli barang yang dihasilkan oleh Syarikat Irena
- D Syarikat Jore membeli barangan daripada syarikat Nasika dan menjualnya kepada Syarikat Ratika

23. Apakah kesan kepada rakyat Malaysia apabila kerajaan mengenakan tarif ke atas barang import?

- A Kuantiti barang import meningkat
- B Kuantiti barang tempatan menurun
- C Harga barang tempatan relatif murah
- D Harga barang import menjadi lebih murah

24. Apakah tujuan pelaksanaan kuota dalam perdagangan antarabangsa?

- A Meningkatkan daya saing barang import
- B Melindungi industri muda tempatan
- C Menjamin keselamatan negara
- D Menambahkan hasil kerajaan

25. Maklumat berikut berkaitan dengan satu bentuk sekatan dalam perdagangan antarabangsa.

- Bertujuan melindungi industri tempatan
- Mengehad penawaran barang import
- Hasil kerajaan tidak meningkat

Apakah bentuk sekatan tersebut?

- A Tarif
- B Kuota
- C Subsidi
- D Embargo

6.3 IMBANGAN PEMBAYARAN

26. Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia.

Petronas menyewa kapal tangki Jepun untuk mengeksport petroleum ke Korea selatan

Pasangan manakah yang betul ?

A	Eksport barang nampak	Import barang tak nampak
B	Eksport barang tak nampak	Import barang nampak
C	Eksport barang nampak	Import barang nampak
D	Eksport barang tak nampak	Import barang tak nampak

27. Antara berikut, yang manakah **betul** tentang imbalan pembayaran ?
- I Contoh pembayaran kewangan ialah firma China membuat pembayaran kepada firma Malaysia.
 - II Merekod jumlah nilai penerimaan dan pembayaran kewangan negara dalam setahun.
 - III Kemasukan pelancong asing boleh memperbaiki imbalan pembayaran negara.
 - IV Penerimaan kewangan dari luar negara direkod sebagai butiran debit.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

28. Syarikat Jepun menggunakan kapal kargo Malaysia untuk mengeksport jentera ke Malaysia

Apakah komposisi perdagangan yang terlibat?

- I Eksport barang nampak
 - II Eksport barang tak nampak
 - III Import barang nampak
 - IV Import barang tak nampak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
29. Situasi yang manakah betul berkaitan import tak nampak?
- A Penghantaran pelajar ke Jepun
 - B Membeli barang modal dari Amerika
 - C Pelancong dari Timur Tengah meningkat
 - D Penggunaan susu segar dari New Zealand

30. Jadual 8 menunjukkan eksport dan import Nampak Malaysia pada suatu tahun.

Butiran	Jumlah(RM juta)
Eksport kayu balak	9 948
Eksport gas asli cecair	11 300
Eksport barang perkilangan	317 937
Import barang modal	47 064
Import barang perantaraan	230 611

Jadual 8

Apakah keadaan imbalan dagangan negara tersebut?

- A Lebihan RM61 510 juta
 - B Lebihan RM339 185 juta
 - C Kurangan RM61 510 juta
 - D Kurangan RM339 185 juta
31. Antara yang berikut, yang manakah mendorong imbalan dagangan cenderung positif?
- I Peningkatan import produk tempatan oleh syarikat asing
 - II Firma tempatan menambah pelaburan di negara luar
 - III Kemasukan pelancong asing bertambah
 - IV Nilai ringgit rendah di pasaran global
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
32. Situasi yang manakah merupakan eksport tak nampak Malaysia?
- A Cik Aina memasarkan produk kecantikan semasa melancong ke New York
 - B Encik Adam berkhidmat sebagai doktor pakar di Creast Hospital, New Zealand
 - C Petronas Carigali Sendirian Berhad membekal gas asli cecair kepada negara Jepun
 - D FAMA menghantar buah buahan segar tempatan kepada syarikat perhotelan di Dubai
33. Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan Akaun Semasa Malaysia.

Imbalan Akaun Semasa Malaysia catat defisit RM26.1 bilion pada suku ketiga 2020.

Pernyataan yang manakah betul tentang keadaan tersebut?

- A. Nilai ringgit cenderung turun
- B. Kuantiti import dari luar negara berkurang
- C. Permintaan ringgit melebihi penawaran ringgit
- D. Aliran masuk wang dari dalam negara bertambah

34. Maklumat di bawah berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia.

Syarikat Jana Utama dari Malaysia menggunakan kapal terbang Garuda Indonesia untuk menghantar mesin ke China.

Antara yang berikut, yang manakah yang berkaitan dengan urusan tersebut?

- I Eksport barang nampak
 - II Eksport barang tak nampak
 - III Import barang nampak
 - IV Import barang tak Nampak
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
35. Lebihan dalam akaun semasa sesebuah negara berlaku kerana
- A Permintaan yang tinggi terhadap eksport
B Permintaan yang tinggi terhadap import
C Penurunan dalam produktiviti sesebuah negara
D Penurunan penerimaan pendapatan primer dan sekunder
36. Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Encik Wee sekeluarga dari China melancong ke Melaka. Mereka menginap di sebuah hotel di Bandar Melaka. Sebelum pulang, beliau telah membeli pelbagai cenderamata untuk diberikan kepada ahli keluarganya.

Apakah bentuk komposisi dagangan yang terlibat di atas?

- I Import nampak
 - II Import tak nampak
 - III Eksport nampak
 - IV Eksport tak nampak
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
37. Pilih pasangan yang betul bagi komposisi import barang nampak.

	Komposisi	Contoh barang
I	Barang Modal	Jentera dan mesin
II	Barang Pengguna	Kenderaan dan perabot
III	Barang Pengantara	Peralatan dan kelengkapan
IV	Barang Pembuatan	Bahan api dan pelincir

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

38. Pernyataan yang manakah direkodkan dalam akaun barangan?
- A Rusia mengimport minyak sawit bernilai RM150 juta dari Malaysia
 - B China memberi pinjaman bernilai RM10 bilion kepada kerajaan Malaysia
 - C Maybank memberi biasiswa bernilai RM5 juta kepada 5 orang pelajar Thailand
 - D Syarikat Malaysia menerima pulangan pelaburan dari India bernilai RM120 juta
39. Situasi yang manakah cenderung memberi kesan imbalan dagangan negatif?
- A Peningkatan penggunaan barang dari luar negara
 - B Aliran masuk pelaburan asing yang tinggi di sektor perkilangan
 - C Kiriman wang oleh pekerja asing ke luar negara semakin meningkat
 - D Kemasukan pelancong asing bertambah selepas kempen Tahun Melawat Malaysia
40. Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Puan Asma dan Encik Amran bercuti ke Bali Indonesia dan membeli koleksi cenderamata untuk keluarganya di Malaysia

Apakah komposisi perdagangan berdasarkan maklumat di atas?

- I Import barang Nampak
 - II Eksport barang Nampak
 - III Import barang tak Nampak
 - IV Eksport barang tak Nampak
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
41. Antara yang berikut, yang manakah betul tentang komposisi import tak nampak negara?
- I Encik Ahmad dan keluarga bercuti ke Danau Toba, Indonesia
 - II Rakyat asing menggunakan pengangkutan penerbangan milik MAS
 - III Buruh mahir tempatan memilih bekerja dalam sektor pembinaan di Dubai
 - IV Pasukan bola sepak kebangsaan menggunakan khidmat jurulatih dari Korea
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

42. Jadual 5 menunjukkan eksport dan import nampak negara **M** pada suatu tahun.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Eksport kayu balak	9 948
Eksport gas asli cecair	11 300
Eksport barang perkilangan	317 937
Import barang modal	47 064
Import barang perantaraan	230 611

Jadual 5

Pasangan yang manakah betul tentang imbalan dagangan negara tersebut?

	Jenis imbalan	Jumlah (RM juta)
A	Lebihan	61 510
B	Kurangan	61 510
C	Kurangan	339 185
D	Lebihan	339 185

43. Antara yang berikut, situasi yang manakah menunjukkan komposisi eksport tak nampak negara?

- I Kerajaan Brunei memberi bantuan kewangan kepada mangsa banjir di Kedah
- II Firma ABC membekalkan petroleum mentah untuk kilang kimia di Jepun
- III Syarikat asing menggunakan pengangkutan kargo udara milik MAS
- IV Pelancong dari China menginap di hotel Seri Malaysia Sepang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

44. Jadual 5 menunjukkan sebahagian imbalan pembayaran Malaysia pada suatu tahun.

Butiran	RM juta
Barangan	113 327
Perkhidmatan	- 10 706
Pendapatan primer	- 36 624
Pendapatan sekunder	- 17 443
Aliran modal	344

Sumber: www.treasury.gov.my

Jadual 5

Berapakah imbalan akaun semasa Malaysia pada tahun tersebut?

- A RM48 554 juta
- B RM48 898 juta
- C RM59 260 juta
- D RM59 604 juta

45. Situasi yang manakah berkaitan dengan import tak nampak Malaysia?
- A Universiti Awam Malaysia membayar gaji pensyarah dari Arab Saudi
 - B Syarikat YOURBEAUTY dari New Zealand membuka kilang di Perak
 - C Pelancong dari Istanbul menginap di sebuah hotel di Pulau Perhentian
 - D Kerajaan Indonesia membayar bil utiliti untuk kedutaannya di Malaysia
46. Maklumat berikut berkaitan dengan satu fenomena ekonomi.

Dalam tempoh enam bulan kebelakangan ini, trend harga minyak mentah global telah menjunam lebih 50%.

- Akaun yang manakah dalam imbalan pembayaran akan terjejas?
- A Akaun pindahan semasa dan akaun pelaburan portfolio
 - B Akaun pendapatan dan akaun pelaburan langsung
 - C Akaun perkhidmatan dan akaun modal
 - D Akaun dagangan dan akaun semasa
47. Apakah maksud imbalan dagangan kurang?
- A Nilai eksport barang tak nampak melebihi nilai import barang tak nampak
 - B Nilai import barang nampak melebihi nilai eksport barang tak nampak
 - C Nilai import barang nampak melebihi nilai eksport barang nampak
 - D Nilai eksport barang nampak melebihi nilai import barang nampak

6.4 PERTUKARAN MATA WANG ASING

48. Antara berikut, situasi yang manakah boleh menyebabkan berlaku permintaan ke atas Ringgit Malaysia?
- I Syarikat Malaysia melabur di Kemboja
 - II Kemasukan pelaburan India ke Malaysia
 - III Korea membeli petroleum mentah dari Malaysia
 - IV Malaysia memberi bantuan kemanusiaan kepada pelarian Palestin
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
49. Antara berikut, yang manakah menunjukkan kepentingan mata wang Amerika Syarikat (USD) terhadap Malaysia?
- I Mempertahankan nilai Ringgit Malaysia berbanding USD
 - II Membayar balik pinjaman ke Amerika Syarikat
 - III Membiayai eksport ke Amerika Syarikat
 - IV Menarik pelabur Amerika Syarikat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

50. Situasi yang manakah berlaku permintaan ke atas Ringgit Malaysia?

- I Syarikat Pemborong Anis menerima bekalan pakaian wanita dari China
 - II Petronas Cari Gali meningkatkan pelaburan teroka minyak mentah di Bahrain
 - III Encik Amran dari Brunei melawat anaknya belajar di Universiti Islam Antarabangsa
 - IV Pemilik Nissan Motor menaiki kapal terbang MAS untuk melawat kilang di Rawang
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

51. Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran di antara Dolar Amerika (USD) berbanding Ringgit Malaysia (RM).

2022	2023
USD1 = RM4.17	USD1 = RM4.68

Pernyataan yang manakah betul tentang perubahan kadar pertukaran tersebut?

- A Harga eksport Malaysia di Amerika Syarikat murah
B Jumlah import dari Amerika Syarikat meningkat
C Imbangan dagangan Malaysia cenderung negatif
D Penawaran Ringgit Malaysia lebih tinggi
52. Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya permintaan terhadap Ringgit Malaysia?
- A Ringgit Malaysia diramal meningkat
B Pelaburan syarikat Malaysia di Thailand
C Pelajar melanjutkan pelajaran di New Zealand
D Syarikat QC membeli mesin pengadun daripada Negara Jepun
53. Jadual 7 menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dan Pound Sterling

£1 = RM6.00

Jadual 7

Jika seorang pengimport England telah mengimport barang dari Malaysia yang bernilai 2,375 GBP, berapakah nilai yang perlu dibayar oleh pengimport England tersebut

- A RM 395.83
B RM 2137.50
C RM 3958.33
D RM 14,250.00

54. Pilih pasangan yang betul berkaitan dengan permintaan dan penawaran Ringgit Malaysia.

	Perkara	Ringgit Malaysia (RM)
A	Proton memasarkan kereta SUV X70 ke Singapura	Penawaran RM
B	Encik Syafiq menghantar anaknya belajar ke New Zealand	Penawaran RM
C	BERNAS Berhad mendapatkan bekalan beras wangi dari Vietnam	Permintaan RM
D	Malaysia Care menyediakan sumbangan RM200 000 kepada mangsa banjir di Pakistan	Permintaan RM

55. Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran antara Dolar Singapura (SGD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Mei 2023	Mei 2024
1 SGD = RM3.3921	1 SGD = RM3.4680

Pernyataan yang manakah betul?

- A Nilai Ringgit Malaysia naik
 B Imbangan dagangan menjadi kurangan
 C Harga import dari Singapura murah
 D Nilai eksport Malaysia meningkat
56. Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura.

Mata wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 Dolar Singapura (SGD)	3.1269	3.2078

Encik Ramli, seorang pelancong dari Singapura ingin menukarkan SGD 6800 kepada Ringgit Malaysia. Hitung jumlah Ringgit Malaysia yang akan diterima oleh Encik Ramli.

- A. SGD 2 119.83
 B. SGD 2 174.68
 C. SGD 21 262.92
 D. SGD 21 813.04
57. Kenaikan nilai Ringgit Malaysia (RM) akan menyebabkan
- A harga barang eksport menjadi murah
 B harga barang import menjadi mahal
 C jumlah eksport akan meningkat
 D jumlah import akan bertambah

58. Jadual 4 menunjukkan kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tahun	Kadar Pertukaran
Disember 2019	USD1= RM4.10
Januari 2020	USD1= RM3.80

Jadual 4

Firma Y mengimport suatu barang dari Amerika Syarikat bernilai USD50 000 pada bulan Disember 2019, tetapi pembayaran dilakukan pada Januari 2020.

Pasangan yang manakah betul tentang kesan kepada Firma Y?

	Untung / Rugi	Nilai (RM)
A	Untung	15 000.00
B	Untung	962.80
C	Rugi	962.80
D	Rugi	15 000.00

59. Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan berlaku apabila
- Nilai Ringgit Malaysia dijangka meningkat pada masa hadapan
 - Kegemaran rakyat Malaysia membeli barang buatan Malaysia
 - Pertambahan dalam jumlah eksport negara Malaysia
 - Pemindahan modal ke luar negara merosot
60. Situasi yang manakah **betul** berkaitan permintaan atau penawaran Ringgit Malaysia(RM)

	Situasi	RM
I	Rakyat Jepun ramai yang melancong ke Langkawi	Penawaran
II	Encik Ahmad dan keluarganya melancong ke Vietnam	Permintaan
III	Pasukan bola sepak JDT menggunakan khidmat jurulatih dari Jerman	Penawaran
IV	Syarikat kereta di Korea meningkatkan bekalan bahan getah dari Malaysia	Permintaan
A	I dan II	
B	I dan IV	
C	II dan III	
D	III dan IV	

61. Jadual 9 menunjukkan perubahan kadar pertukaran di antara Dolar Amerika (USD) dengan Ringgit Malaysia(RM) dari tahun 2021 kepada 2022.

Tahun	2021	2022
Kadar pertukaran	USD1=RM4.30	USD1=RM4.35

Jadual 9

Pernyataan yang manakah betul tentang perubahan kadar pertukaran tersebut?

- Imbangan dagangan Malaysia cenderung negatif
- Permintaan import oleh Malaysia berkurang
- Harga barang buatan Amerika lebih murah
- Amerika mengurangkan penawaran dolar